

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan projek River of Life di Kuala Lumpur dan usaha menjadikannya destinasi baru tarikan pelancong asing ke Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Projek *River of Life* (RoL) yang dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2011 ini terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu Pembersihan Sungai, Pengindahan Sungai dan Pembangunan Tanah. Secara keseluruhannya, status pelaksanaan Projek RoL sehingga 17 Mei 2019 telah mencatat kemajuan sebanyak 87% (Jadual 88%) dan dijangka siap pada Disember 2020.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang merangka beberapa program dan usaha sama dengan pelbagai agensi untuk menjadikan kawasan RoL sebagai kawasan tumpuan pelancong dan masyarakat bagi tujuan rekreasi. Usaha ini turut melibatkan promosi melalui pelbagai Media Massa.

Tamara Hinson, *freelance journalist specialising in travel* melalui *The Independent*, *British Online Newspaper* (18 Disember 2018) telah menyenaraikan *River of Life*, Kuala Lumpur sebagai *World's 10 Best Waterfront Districts*. Perkara ini turut disiarkan melalui *World of Buzz – Online News Portal* (7 Januari 2019) dan *New Straits Times* (8 Januari 2019).

Selain itu, kajian secara temubual oleh Wakil *Tourism Malaysia* pada 22 April 2019 mencatatkan antara 800 sehingga 1,000 pelancong asing telah melawat Presint 7 (Kolam Biru) setiap bulan. KWP menjangkakan selepas semua Projek Pengindahan RoL siap sepenuhnya kelak, angka pelancong asing ini akan melonjak lebih tinggi seterusnya membuktikan objektif mentransformasikan Lembangan Sungai Klang kepada ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi tercapai.